

**PRESS CLIPPING****COMMUNICATIONS SPECIALIST**

DATE : MARCH 14, 2016  
MEDIA : KOSMO  
SECTION : NIAGA  
PAGE : FRONT PAGE  
COLOUR : FULL COLOUR  
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

CLIENT : LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)  
TASK : NEWS RELEASE



## LTAT mula bayar dividen, bonus hari ini

KUALA LUMPUR - Lemba Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan pengagihan dividen dan bonus sebanyak 12 peratus kepada ahli-ahlinya yang aktif.

Pengerusi LTAT Laksamana (B), Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Nor (**gambar**) berkata, bayaran dividen tersebut merangkumi masing-masing enam peratus bagi dividen dan bonus khas dalam bentuk unit amanah saham yang berjumlah RM693.8 juta untuk tahun kewangan ber-

akhir 31 Disember 2015.

Katanya, pembayaran tersebut akan diberikan kepada ahli-ahli terlibat pada hari ini.

"Sepanjang tempoh 43 tahun, purata kadar dividen dan bonus tahunan yang dibayar oleh LTAT ialah 11.3 peratus setahun.

"Kami bersyukur terhadap pencapaian yang direkodkan dengan dividen yang masih



tinggi berjaya diagihkan kepada ahli walaupun negara dan dunia berhadapan dengan keadaan ekonomi yang mencabar.

"Sehubungan itu, LTAT terus mengambil langkah proaktif dari segi operasi dan pelaburan bagi memastikan kepentingan dan pulangan kepada ahli terus diutamakan," katanya dalam kenyataan di

sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Anwar, LTAT mencatatkan jumlah pendapatan belum diaudit sebanyak RM766.8 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

"Jumlah aset LTAT turut meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada RM9.4 bilion berbanding RM9.3 bilion pada tahun 2014.

"Selain itu, caruman ahli meningkat kepada RM9.1 bilion berbanding RM8.9 bilion tahun lalu" jelasnya.